

1975

KUALA LUMPUR, 4 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, TUJUAN UTAMA PELAJARAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIKA TALAH MEMASTIKAN BAHAWA PERUBAHAN KARIKULAR YANG DIPERLUKAN UNTUK PEMBANGUNAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA.

DI SAMPING ITU IA JUGA MENITIKBERATKAN USAHA-USAHA KE ARAH MEMELIHARA TARAF AKADEMIK YANG ADA SEKARANG, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN TAHUNAN JEMAAH NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH DI SINI HARI INI.

SELARAS DENGAN USAHA TERSEBUT, MATAPELAJARAN-MATAPELAJARAN SIVIK, UGAMA, PENDIDIKAN AKHLAK DAN KEGIATAN-KEGIATAN KARIKULAR MUSTAHAK DIJALAN DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI.

KATANYA, INI TALAH UNTUK MEMASTIKAN PARA LEPASAN SEKOLAH BUKAN SAHAJA TERLATIH DAN BERPENGETAHUAN TETAPI MEMPUNYAI DISIPLIN DAN MORAL YANG TINGGI.

+NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN MEMERLUKAN TENAGA PEKERJA YANG TERLATIH DAN TERPELAJAR BUKAN DARI SEGI BILANGAN ATAU KUANTITI SAHAJA, TETAPI JUGA DARI SEGI KUALITI ATAU MUTUNYA, + TAMBAHNYA.

-- BERSAMBUNG 1300/ZCM

533:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENGESYORKAN, PARA NAZIR MENGANGGAP GURU-GURU SEBAGAI RAKAN SEKERJA DAN MEMBERI GALAKAN SERTA BIMBINGAN DI SAMPING MENGAWAS ATAU MENGAWAL KERJA-KERJA YANG MEREKA JALANKAN.

MEREKA JUGA, KATANYA, PERLU MEMPUNYAI PERSONALITI YANG SESUAI, KEBOLEHAN MENBUJUDKAN HUBUNGAN KEMANUSIAN YANG BAIK DAN APPROACH ATAU PENDEKATAN DALAM MENJALANKAN PEMERIKSAAN DAN PENYELIAAN.

KATANYA, PENDEKATAN YANG SESUAI TALAH SATU-SATUNYA YANG BOLEH MEMBERI HARAPAN DAN KEYAKINAN KEPADA PARA GURU.

MEREKA PERLU LAH CUBA Mencari PUNCA MASAALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA GURU SEBELUM MEMBINCANGKAN BERSAMA BAGAIMANA MASAALAH ITU DAPAT DIATASI.

BELIAU JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA KELULUSAN IKHTISAS, KEAZAMAN DAN PENGALAMAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PEMERIKSAAN YANG BERMUTU.

-- BERSAMBUNG 1301/ZCM

534:
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYATAKAN RASA KESALNYA TERHADAP SOAL DISIPLIN PARA PELAJAR HARI INI YANG TELAH MEMBAWA KEPADA SATU KEADAAN YANG TIDAK MENYENANGKAN.

PERKARA PONTENG SEKOLAH, MELANGGAR PERATURAN, MEROSAKKAN HARTABENDA SEKOLAH DAN AKHIR-AKHIR INI MENYALAHGUNAKAN DADAH TELAH MENJADI PERBINCANGAN HANGAT DI KALANGAN MASYARAKAT, KATANYA.

KETUA NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH, ENCIK AHMAD HAJI SALEH BERHARAP KERAJAAN DAPAT MENAMBAH BILANGAN NAZIR SEIMBANG DENGAN BILANGAN SEKOLAH DAN GURU-GURU YANG ADA SEKARANG.

SETAKAT INI TERDAPAT SERAMAI 60 ORANG NAZIR BERBANDING DENGAN 69,363 ORANG GURU DI 5,141 BUAH SEKOLAH DI SEMENANJUNG.

BELIAU JUGA BERHARAP PERUNTUKAN YANG CUKUP DAPAT DIBERI UNTUK MEMBOLEHKAN PARA NAZIR MELAKSANAKAN RANCANGAN PEMERIKSAAN, LAWATAN DAN LAIN-LAIN TUGAS BERKENAAN.

PERSIDANGAN EMPAT HARI ITU YANG BERTHEMAKAN +PEMERIKSAAN DAN PENYELIAAN BERMUTU+ DI HADIRI OLEH 60 ORANG NAZIR SEKOLAH DARI SEMENANJUNG. -- BERNAMA 1303/ZCM